

KONSEP PERJUANGAN ANWAR RIDHWAN DALAM NOVEL *PENYEBERANG SEMPADAN*

ANWAR RIDHWAN STRIVING CONCEPT IN PENYEBERANG SEMPADAN NOVEL

Mohamad Mokhtar Abu Hassan

Jabatan Kesusasteraan Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Raja Rajeswari Seetha Raman

Institut Pendidikan Guru
Kampus Bahasa Melayu

Abstrak

Karya sastra sebagai medium ekspresi seni, menyalurkan mesej dan amanat secara tersurat dan tersirat melalui diksi dalam bentuk kata kunci dan simbol. Simbol dan kata kunci yang diulang dalam karya sastra mendedahkan konseptualisasi dan tanggapan pengarang berhubung dengan sesuatu konsep. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti konseptualisasi Anwar Ridhwan berhubung dengan konsep perjuangan dalam novel *Penyeberang Sempadan*. Teori Konseptual Kata Kunci yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan digunakan sebagai kerangka teoritis dalam kajian ini. Dengan menerapkan Teori Konseptual Kata Kunci, konseptualisasi Anwar Ridhwan yang tersurat dalam bentuk kata kunci dan yang tersirat di sebalik simbol dikenal pasti. Hasil kajian membuktikan bahawa konsep perjuangan pada tanggapan Anwar Ridhwan ialah penderitaan, pengorbanan dan usaha untuk memerdekakan negara daripada cengkaman penjajah. Para pejuang sanggup menderita dan menggadaikan nyawa mereka demi kemerdekaan dan kesejahteraan rakyat. Konseptualisasi ini dikenal pasti dengan mengaplikasikan Teori Konseptual Kata Kunci dan konsep simbol dalam novel *Penyeberang Sempadan*.

Kata kunci: simbol, kata kunci, konseptualisasi, perjuangan, *Penyeberang Sempadan*.

Abstract

*Literary work is a medium of art that conveys meanings and messages literally and symbolically through diction. Keywords and symbols repeated in literary texts convey an author's personal conceptualisation on a particular concept. The objective of this study is to explore Anwar Ridhwan's view on struggle in his novel *Penyeberang Sempadan*. Keywords Conceptual Theory formulated by Mohammad Mokhtar Abu Hassan, a Malaysian scholar is used as a theoretical frame in this research. By using the Keywords Conceptual Theory, the conceptualisation of Anwar Ridhwan is identified. Keywords convey the literal conceptualisation of the author whereas symbols convey his symbolic conceptualisation. The analysis and findings reveal that the concept of struggle involves suffering and sacrifice. The warriors suffer and sacrifice their lives for the independence of the country and welfare of the people. These conceptualisation is identified by using the Keywords Conceptual Theory and the concept of symbol in the novel *Penyeberang Sempadan*.*

Keywords: *symbols, keywords, conceptualisation, struggle, *Penyeberang Sempadan*.*

Pengenalan

Penyeberang Sempadan, novel mutakhir SN Anwar Ridhwan yang memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2012 dan Hadiah Utama Hadiah Sako ke-3 bukan sahaja menyeberang sempadan geografi, ideologi dan zaman, malah telah menyeberang struktur dan gaya pengkisahan naratif dalam menghantar muatan subjeknya. Melalui struktur penceritaan dua lapis yang menggabungkan sudut pandangan orang pertama dan sudut pandangan orang ketiga, Anwar Ridhwan mengetengahkan konseptualisasi beliau berhubung dengan konsep perjuangan secara berselang-seli. Dalam bab berangka ganjil, pengalaman peribadi watak utama tentang konsep perjuangan diketengahkan, manakala dalam bab berangka genap, siasatan kolonial terhadap perjuangan watak utama dikisahkan. Konseptualisasi Anwar Ridhwan tentang konsep perjuangan yang tersurat dan tersirat di sebalik bab berangka genap dan berangka ganjil dalam novel beraliran realisme fiktif ini dikenal pasti melalui penggunaan Teori Konseptual Kata Kunci dan konsep simbol.

Teori Konseptual Kata Kunci

Teori Konseptual Kata Kunci yang menjadi kerangka teoritis dalam kajian ini dicipta oleh sarjana Malaysia, Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Teori Konseptual Kata Kunci memiliki tiga prinsip utama iaitu prinsip kepengaruhan, prinsip pemilihan kata dan prinsip kesan.

Prinsip kepengaruhan yang menjadi prinsip pertama dalam teori ini berhubung dengan faktor-faktor ekstrinsik pengarang seperti latar belakang pengarang, pendidikannya, kerjaya, budaya, adat dan kepercayaan, pemerhatian, pergaulan, pembacaan, ideologi, aspirasi dan visinya. Pengarang adalah sebahagian daripada anggota masyarakat, justeru, karya yang dicipta oleh pengarang akan mencerminkan aspirasi, ideologi dan visi pengarang. Dengan meneliti diksi dan simbol yang digunakan oleh seseorang pengarang dalam teks, konseptualisasi yang mendasari aspirasi pengarang dapat diketahui. Oleh itu, prinsip pemilihan kata dipilih sebagai prinsip kedua dalam Teori Konseptual Kata Kunci, manakala prinsip ketiga iaitu prinsip kesan berhubung dengan implikasi yang ditinggalkan oleh teks dalam diri pembaca. Pembaca yang memberi makna kepada sesuatu teks, justeru pembaca diberi keutamaan melalui prinsip ketiga dalam Teori Konseptual Kata Kunci.

Gabungan ketiga-tiga prinsip iaitu prinsip kepengaruhan yang berkaitan dengan faktor-faktor ekstrinsik pengarang, prinsip pemilihan kata yang mengutamakan diksi dalam bentuk kata kunci dan simbol dalam teks serta prinsip kesan yang berhubung dengan tafsiran pembaca diaplikasikan serentak untuk mengenal pasti konseptualisasi pengarang berhubung dengan sesuatu konsep. Dan dalam konteks kajian ini, Teori Konseptual Kata Kunci digunakan untuk mengenal pasti konseptualisasi Anwar Ridhwan berhubung dengan konsep perjuangan dalam novel *Penyeberang Sempadan*.

Sinopsis Novel *Penyeberang Sempadan*

Penyeberang Sempadan, mengisahkan perjuangan Kuay seorang anak muda yang berhasrat untuk memerdekakan Tanah Melayu daripada cengkaman Inggeris selepas Inggeris dengan zalim membunuh ayahnya yang bernama Zakaria atas alasan telah membunuh seorang kontraktor Inggeris dengan lembing. Pembunuhan Zakaria secara kejam menyebabkan Kuay ingin membalas dendam terhadap penjajah Inggeris

lalu Kuay meninggalkan ibunya Yang Zanariah dan saudara kembarnya Kesturi di Kuala Tunting dan menyertai golongan kiri untuk mendalami fahamannya tentang komunisme dan sosialisme di Peking dan Moscow.

Sebaik sahaja Kuay meninggalkan Kuala Tunting dan memulakan pengembaraannya ke Peking dan Moscow, bau busuk seperti bau mayat mengekorinya ke semua tempat yang dikunjunginya. Dalam perjuangan komunis, Kuay banyak dipengaruhi oleh Bung Suradi yang menegaskan bahawa perjuangan menuntut kemerdekaan bukan sekadar membebaskan negara daripada penjajahan kolonial tetapi kemerdekaan sejati membabitkan pembebasan kaum proletar, buruh dan petani daripada belenggu penindasan. Pertemuan Kuay dengan Bung Suradi menyebabkan Kuay terpengaruh dengan ideologi komunis. Kuay dibawa ke Peking untuk didoktrinkan dengan ideologi komunis dan seterusnya dilantik sebagai kader komunis. Kuay dihantar ke Moscow untuk memahami ideologi komunis dengan lebih mendalam. Di Moscow, apabila Kuay melawat kampung komunal, dia mendapati penduduknya masih menderita akibat kemiskinan. Kuay mula menyedari tentang kepalsuan ideologi komunisme lalu melarikan diri ke Kaherah.

Apabila Kuay menjejakkan kakinya di Kaherah, Amman dan Makkah, bau mayat yang mengekorinya selama ini telah hilang dengan sendirinya. Bau laknat yang mengiringi Kuay ialah bau ideologi sekular yang palsu. Di Kaherah, Kuay bertemu dengan agen demokrasi Amerika Syarikat iaitu Omar. Omar membawa Kuay ke Amerika Syarikat. Di Amerika Syarikat, Kuay cuba dibentuk menjadi kader Pro demokrasi. Setelah lebih seabad tinggal di Amerika Syarikat, Kuay merasakan bahawa demokrasi-kapitalis juga palsu walaupun Kuay lebih bebas di Amerika Syarikat berbanding ketika berada di Peking dan Moscow.

Di Washington, Kuay bertemu dengan Syafi'aa seorang pelarian Palestin yang merupakan penganut ajaran agama Islam. Pertemuan Kuay dengan Syafi'aa telah membuka hatinya untuk melihat Islam sebagai perjuangan yang sebenar. Akhirnya Kuay menerima fahaman Islam dan memberitahu saudara kembarnya Kesturi melalui sepucuk surat bahawa dia telah mengembara jauh dan telah mengharungi pelbagai cabaran dan perjalanan panjangnya itu sebenarnya merupakan suatu pencarian bagi menemukan asas perjuangan yang sebenar. Dalam surat itu juga, Kuay memberitahu Kesturi bahawa yang dimaksudkan sebagai benar bukan benar menurut penilaian manusia tetapi benar menurut pandangan Yang Maha Esa.

Kuay akhirnya berkahwin dengan Shafi 'aa dan pulang ke Kuala Tunting sebagai insan yang berpegang pada fahaman Islam manakala Shafi'aa menjadi ustazah yang menyampaikan ilmu agama kepada warga kampung di Kuala Tunting. Kuay dan Shafi 'aa tinggal di rumah pusaka ibu Kuay yang dijaga oleh Yan setelah kematian ibunya Yang Zanariah dan kembarnya Kesturi. Mereka membuat perancangan untuk membina sebuah masjid agar penduduk di Kuala Tunting menerima ajaran agama Islam yang betul dan benar.

Konseptualisasi Anwar Ridhwan dalam *Penyeberang Sempadan*

Konsep atau '*concept*' ditakrifkan sebagai "*a common response to a class of objects or events. Concepts are used at many levels of abstraction, from the simpler concept of young children in naming and identifying common objects to the highly abstract motives. Before a concept can be formed there must be abstraction and generalization*" (Harry Maddox, 1988: 162). Menurut Robert E. Innis (1985: 19), "*concept or the symbol part of a mental sign is often related to one's past experiences in life.*"

Hamzah Hamdani (1988: 6), mentakrifkan konsep sebagai *mental construct* yang mengatur pemikiran kita. Menurut beliau, konsep terhasil berdasarkan pengamatan tentang realiti. Konsep juga merupakan satu cara yang paling ekonomis untuk menerangkan tentang sesuatu fenomena. Manakala konseptualisasi ditakrifkan sebagai pembentukan konsep tentang sesuatu perkara, hal atau peristiwa.

Justeru, daripada takrif yang dikemukakan oleh Harry Maddox, Robert E. Innis dan Hamzah Hamdani, dapat dirumuskan bahawa konseptualisasi merujuk tanggapan atau idea yang terbentuk dalam minda seseorang berhubung dengan sesuatu hal, peristiwa atau objek. Konseptualisasi seseorang pengarang berhubung dengan sesuatu konsep dipengaruhi oleh latar belakang, pendidikan, kerjaya, taraf sosio ekonomi, pengalaman, pembacaan, pemerhatian, pengamatan, ideologi, falsafah hidup, aspirasi dan visi mereka. Daripada perspektif atau sudut mana seseorang melihat sesuatu peristiwa, perkara, hal atau objek bergantung kepada unsur-unsur ekstrinsik mereka.

Dengan meneliti kekerapan penggunaan diksi dalam bentuk kata kunci dan simbol dalam sesebuah teks, konseptualisasi seseorang individu berhubung dengan sesuatu konsep dapat dikenal pasti. Dalam

konteks novel *Penyeberang Sempadan*, dengan mengaplikasikan Teori Konseptual Kata Kunci, konseptualisasi Anwar Ridhwan yang telah dikenal pasti ialah perjuangan menyebabkan penderitaan, perjuangan menuntut pengorbanan yang tinggi dan perjuangan diteruskan untuk menegakkan kebenaran dan memerdekakan negara daripada cengkaman penjajah.

Perjuangan Adalah Penderitaan

Istilah “perjuangan” yang berasal daripada kata akar “juang” membawa maksud perihal berjuang untuk mencapai atau mempertahankan sesuatu (*Kamus Dewan*, 1996: 545). Dalam usaha mempertahankan atau menegakkan sesuatu, manusia mengharungi penderitaan. Konseptualisasi ini dikenal pasti dalam novel *Penyeberang Sempadan* melalui penggunaan kata kunci “berjuang”, “pejuang”, “perjuangan”, “derita”, “sengsara”, “siksaan”, “kesakitan”, “jeritan”, “cedera”, “ngilu”, “menggigil”, “bau” dan simbol “paha kiri”. Bukti penggunaan kata kunci dan simbol boleh ditemukan dalam contoh petikan berikut:

“Bau itu bersandar dengan selesa dalam tempat duduk yang lebar di kelas pertama dengan lagak seorang borjuis Kadang-kadang meluruskan kakinya. Kadang-kadang baring terlentang seperti seorang kapitalis yang kepenatan yang membeli keselesaan atas derita dan keringat kaum marhaen.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012:6)

“Kami diajar tentang erti kaum buruh. Tentang revolusi. Tentang revolusi bersenjata. Tentang perjuangan kemerdekaan tanah air.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012:38)

“Kudengar Leman Kadamad bersuara, kata-kata yang membudaya dalam perjuangan kami, “Demi untuk kemerdekaan kita berkumpul dan berpisah. Mati dan hidup di tangan Tuhan, tetapi berjuang untuk kemerdekaan!”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012: 43)

“Kudengar letupan! Sesuatu mengena **paha kiriku!** Aku kena! jeritanku agak tertahan, sebelum rebah.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 44)

“Aku enggan mengeluhi nasib perjalanan ini. Apalagi meratapi kesakitan ini. Kerana dalam kehidupan ada kesakitan yang lebih besar daripada sekadar kesakitan jasmani peribadi.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 44)

“Beberapa minit kemudian aku mulai menggigil. Peluh dingin memercik dari dada dan dahiku. Pandanganku mulai pudar ...”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 44)

“Aku tercium bau yang aneh. Bau adunan lumpur dengan mayat. Hanyir dan memualkan. Bau itu seperti naik dari tempat luka tembakan di **paha kiriku**, menjalar naik ke pinggang, ke dada, dan terapung di hujung hidungku.”

(Penyeberang Sempadan, 2012:55)

“Aku berasa ngilu di **paha kiri**.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 64)

“Ku berasa ngilu di **paha kiri**.”

(Penyeberang Sempadan, 2012:69)

“Aku pernah diberitahu tentang siksaan kepada komrad yang tidak setia kepada komunisme.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 154)

“Kuay arahkan pengikut-pengikutnya yang selamat mengumpulkan rakan yang mati atau cedera. Yang mati diusung keluar. Yang cedera dipapah.”

(Penyeberang Sempadan, 2012:177)

“Kuay bin Zakaria ini telah mencheborkan diri-nya dengan pangganas kominis. Ia rela menukar-kan kehidupan yang aman dan damai, rakan sahabat dan kaum kerabat dengan suatu usaha yang telah kechewa dan tidak ada arti, dan dengan kehidupan yang sengsara dalam hutang.”

(Penyeberang Sempadan, 2012:188)

“Kesturi memang sedar, kembarnya dikehendaki polis. Kesturi juga sedar kembarnya berjuang untuk membalas dendam kematian ayah mereka ketika dalam tahanan penjajah Inggeris. Kesturi juga faham perjuangan Kuay, dari riak kecil balas dendam telah menjadi gelombang besar melawan Inggeris demi kemerdekaan Malaya. Bagi Kesturi, apa gunanya menyerahkan Kuay kepada penjajah Inggeris, iaitu suatu kuasa yang ditentangnya? Apa gunanya menyerahkan Kuay kepada kuasa asing yang sedang menjajah Malaya? Kalau dia menyerahkan Kuay, bukankah itu bermakna seorang pejuang pembebasan telah dilumpuhkan?

(*Penyeberang Sempadan*, 2012:198)

Kata kunci yang digunakan dalam petikan boleh dilihat dalam Rajah 1 di bawah ini:



Rajah 1: Kata kunci berdasarkan konsep perjuangan

Kata kunci “berjuang”, “pejuang”, “perjuangan”, “cedera”, “ngilu”, “derita”, “jeritan”, “menggigil”, “kesakitan”, “sengsara” “bau” dan “siksaan” adalah bukti bahawa perjuangan sinonim dengan penderitaan. Para pejuang menderita untuk merealisasikan matlamat perjuangan mereka. Dalam konteks novel *Penyeberang Sempadan*, untuk memerdekakan Tanah Melayu daripada cengkaman dan penindasan Inggeris, Kuay dan rakan-rakannya terpaksa menanggung penderitaan. Kuay menanggung penderitaan fizikal apabila peha kirinya tercedera selepas terkena tembakan semasa bertempur di hutan, manakala Meor menanggung kesakitan selepas terjatuh ke dalam gaung. Meskipun Kuay dan Meor menanggung kesakitan, tetapi mereka enggan mengeluh sebab mereka berpendapat bahawa kesakitan dan penderitaan

akibat penjajahan lebih berat berbanding dengan kesakitan fizikal mereka akibat kecederaan. Buktinya tertera dalam contoh di bawah ini:

“Aku enggan mengeluhi nasib perjalanan ini. Apalagi meratapi kesakitan ini. Kerana dalam kehidupan ada kesakitan yang lebih besar daripada sekadar kesakitan jasmani peribadi.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 44)

“Aku berasa ngilu di **paha kiri**. Tidak mungkin gunakan kaki kiri untuk melangkah, seolah-olah akan patah riuk-
lah **paha kiri** itu kalau aku cuba berjalan juga.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 64)

“Kuberasa ngilu di **paha kiri**. Tabib akan terus mengubat lukaku. Beberapa minggu lagi mungkin luka itu akan sembuh sepenuhnya. Tetapi adakah aku boleh berjalan seperti biasa, setelah **peluru** menggesel dan meretakkan tulang pahaku?”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 70)

Simbol “paha kiri” melambangkan perjuangan oleh pejuang arah kiri. “Ngilu” pada “paha kiri” melambangkan perjuangan oleh pejuang arah kiri yang berakhir dengan penderitaan. Buktinya tertera di bawah ini:

“Aku berasa ngilu di **paha kiri**.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 64)

“Ku berasa ngilu di **paha kiri**.”

(Penyeberang Sempadan, 2012:69)

Kata kunci “bau” merujuk fahaman atau ideologi yang dicipta oleh manusia seperti komunisme, sosialisme dan demokrasi yang menyebabkan rakyat menderita kerana semua ideologi ciptaan manusia tidak bersih dan tercemar dengan penipuan dan kepalsuan. Oleh itu, “bau” yang mengekori Kuay dikatakan sebagai “bau laknat.” Buktinya ditemukan di bawah ini:

“Tetapi bau itu dapat juga masuk, termengah-mengah, menghembus bau laknat itu ke hidungku.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 220)

Daripada kata kunci “berjuang”, “pejuang”, “perjuangan”, “derita”, “sengsara”, “siksaan”, “kesakitan”, “jeritan”, “cedera”, “ngilu”, “menggigil”, “bau”, “bau laknat” dan simbol “paha kiri”, terbukti bahawa perjuangan ialah penderitaan pada tanggapan Anwar Ridhwan. Para pejuang yang memperjuangkan kebenaran terpaksa menanggung penderitaan semata-mata untuk melumpuhkan ideologi ciptaan manusia yang mencengkam kehidupan rakyat. Kehidupan rakyat yang terjejas dianalogikan dengan “bau laknat.”

Menurut Suzanne Langer (1971: 64), “*the symbol is an instrument of thought*” manakala Robert E. Innis (1985: 18), berpendapat bahawa “*there is idea connected with the word used in symbols.*” Oleh itu, melalui penggunaan simbol “paha kiri”, terselit pengertian bahawa ideologi ciptaan manusia telah menyiksa rakyat jelata, oleh yang demikian, Kuay dan Meor telah menyertai perjuangan arah kiri semata-mata untuk memerdekakan negara mereka daripada cengkaman penjajah. Natijahnya, mereka menanggung kesakitan dan penderitaan yang keterlaluan. Amanat ini tersirat melalui simbol “paha kiri” yang merujuk penderitaan yang ditanggung oleh para pejuang yang berhaluan “kiri.”

Konseptualisasi Anwar Ridhwan berhubung dengan konsep perjuangan dipengaruhi oleh unsur-unsur ekstrinsik khususnya pengalaman, pembacaan dan pemerhatian. Menurut Anwar Ridhwan dalam Hajjah Jais (2006: 51), “pengalaman ialah sumber yang mencetuskan idea.” Menurut Anwar Ridhwan lagi (*Jambak 2*, 1993: 56), “melalui pembacaan, tontonan, pengamatan dan ditambah dengan penyelidikan, saya “kaya dengan persoalan politik.” Daripada pengakuan pengarang terbukti bahawa konseptualisasi Anwar Ridhwan berhubung dengan konsep perjuangan dipengaruhi oleh faktor-faktor ekstrinsik khususnya pengalaman, pergaulan, pemerhatian dan pembacaan.

Anwar Ridhwan pernah melawat Soviet Russia dan menjadi tamu Persatuan Penulis Soviet dari bulan September hingga Oktober pada tahun 1988. Pengalaman berada di Soviet Russia dan “perkenalan singkat Anwar Ridhwan dengan beberapa orang pelarian PKI di Moscow sedikit sebanyak turut mencorakkan cerita dan plot dalam novel *Penyeberang Sempadan*” (2012 : 449).

Kunjungan Anwar Ridhwan ke Hong Kong, Thailand, Jepun, China, Russia, dan Yugoslavia atas urusan rasmi sama ada sebagai

penjawat awam mahupun sebagai sasterawan membuka ruang dan peluang kepada beliau untuk mengetahui tentang perkembangan politik di negara yang dikunjungi. Semua pengalaman ini mencorakkan konseptualisasi beliau berhubung dengan konsep perjuangan. Justeru, perjuangan diasosiasikan dengan penderitaan.

Perjuangan Adalah Pengorbanan

Perjuangan menuntut pengorbanan yang tinggi daripada para pejuang. Para pejuang mengorbankan masa, tenaga, keselesaan dan ada kalanya nyawa mereka semata-mata untuk memerdekakan negara daripada penjajahan kolonial. Dalam novel *Penyeberang Sempadan*, ditemukan kata kunci “berkorban”, “berjuang”, “mayat”, “mayat-mayat”, “tembakan”, “tembakan berapi”, “mati”, “mangsa”, “nyawa”, “hutang nyawa”, “hancur”, “terbunuh”, “darah”, “banyak darah”, “peluru”, “bau laknat”, “bau mayat” dan “bom-bom tangan.” Bukti akan penggunaan kata kunci tertera dalam contoh petikan di bawah ini:

“Sambil menggagahkan diri melangkah ke hadapan, aku dapat rasai hangatnya darah yang meleleh keluar dari pahaku. Seluarku basah oleh darah. Sampai bila aku boleh bertahan jika darah terus mengalir?”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012:44)

“Kami sekeluarga mengucapkan terima kasih yang setinggi-tinggi kepada semua, yang telah bersama-sama menyempurnakan mayat ini. Sekiranya ayah saya ada berhutang kepada sesiapa, datanglah bertemu saya, untuk saya melunasi; sebagaimana saya akan menuntut hutang nyawa ayah saya.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012: 94-95)

“Dan entah mengapa, ketika aku kehilangan banyak darah dahulu, cerita itu yang muncul dalam racau merabanku.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012: 119)

“Bagaimana kalau kita elak pertempuran ini?” Meor berbisik ke telinga Kuay.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012: 173)

“Maksud kamu?”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 173)

“Platun itu akan jadi mangsa komunis,” jawab Meor.

“Komunis memang menunggu saat ini.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 173)

“Anggota platun menyedari, mereka telah terkepung, dan musuh dari bahagian timur bukit lebih banyak dan lebih kuat daripada yang berada di barat bukit. Nyawa semua anggota platun dalam bahaya.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 174)

“Tiba-tiba mereka terdengar suara menghalilintar di udara, mendekati medan tempur. Mereka hanya mendengarnya. Tidak lama kemudian, tembakan berapi seperti mencurah dari langit, menghentam kaki bukit bahagian timur dan barat.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 175)

“Belantara itu, yang mungkin selama jutaan tahun sepi dan lembab, berubah menjadi medan pertempuran membingitkan. Peluru-peluru terbang berdesing. Bombom tangan yang meledak membongkar akar pohon renek.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 176)

“Muntahan peluru dari udara itu luar biasa. Mereka belum pernah mengenalnya. Mayat-mayat berdarah bergelimpangan di kaki bukit bahagian timur dan barat. Sebahagiannya hancur hampir tidak dapat dikenali.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 176)

“Kuay sendiri, selain kehilangan Meor, melihat dua belas orang anggotanya terbunuh.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 176)

“Kuay arahkan pengikut-pengikutnya yang selamat mengumpulkan rakan yang mati atau cedera. Yang mati diusung keluar. Yang cedera dipapah.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 177)

“Peristiwa yang telah terjadi seminggu, datang dan menghilang dalam ingatannya. Dia terbayang perbuatannya membongkok ketika cuba berundur dari hutan. Tetapi pada masa itulah dia terdengar tembakan bertalu-talu dan berasa peluru mengena rusuknya.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012: 176)

“Dan bau yang aneh itu tetap mengikut ke mana sahaja aku pergi. Bau mayat yang memuakkan itu!”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012: 219)


“Tetapi bau itu dapat juga masuk, termengah-mengah, menghembus bau laknat itu ke hidungku.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012:220)

“Meor lihat Kuay berbeza daripada anak-anak muda Kuala Tuntung yang lain. Kuay, pada Meor, memenuhi impiannya tentang seorang lelaki yang sanggup berjuang dan berkorban demi cita-citanya.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012:182)

Kata kunci yang ditemukan dalam novel *Perjuangan* tertera dalam Rajah 2 di bawah ini:



Rajah 2: Kata kunci berdasarkan konsep perjuangan

Daripada kata kunci “berkorban”, “berjuang”, “mayat”, “mayat-mayat”, “tembakan”, “tembakan berapi”, “mati”, “mangsa”, “nyawa”, “hutang nyawa”, “hancur” “darah”, “banyak darah”, “peluru”, “bau laknat”, “bau mayat” dan “bom-bom tangan” terbukti bahawa perjuangan adalah pengorbanan pada tanggapan Anwar Ridhwan.

Dalam usaha untuk membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman Inggeris, para pejuang yang diwakili oleh Kuay telah mengorbankan keselesaan hidupnya dan berjuang di hutan. Kuay juga telah menjadi tempang setelah peluru musuh menembusi paha kirinya ketika berjuang di hutan. Rakan-rakan Kuay juga telah menggadaikan nyawa mereka demi perjuangan.

“Darah” dan “banyak darah” merujuk korban perang yang ramai. “Peluru” dan “bom tangan” melambangkan pertempuran manakala “bau laknat” dan “bau mayat” adalah konotasi kepada perjuangan para pejuang untuk melenyapkan semua bentuk “isme” ciptaan manusia seperti komunisme, sosialisme dan liberalisme yang menjadikan kehidupan rakyat sengsara. Dalam usaha untuk membasmi “isme” ciptaan manusia, nyawa pejuang menjadi taruhan. Dengan perkataan lain, para pejuang mengorbankan nyawa mereka untuk memastikan “bau mayat” dan “bau laknat” tidak mencengkam kehidupan rakyat.

Konseptualisasi Anwar Ridhwan tentang konsep perjuangan dipengaruhi oleh faktor-faktor ekstrinsik beliau seperti latar belakang, pembacaan dan pemerhatian. Malah Anwar Ridhwan sendiri pernah menyatakan bahawa:

“... saya mengakui bahawa apa yang saya hasilkan merupakan gabungan total daripada bakat, kemahiran seni, pengalaman, pemikiran, wawasan, pandangan dunia serta ketelitian yang maksimum dan sempurna. Semua unsur tersebut berkembang bersama-sama pengalaman, pembacaan dan ilmu.”

(Jambak 2, 1993: 51)

Daripada pengakuan pengarang, ternyata bahawa faktor-faktor ekstrinsik mempengaruhi konseptualisasi Anwar Ridhwan berhubung dengan konsep perjuangan dan konseptualisasi tersebut dizahirkan melalui watak ciptaannya dalam karya kreatif. Pengalaman Anwar Ridhwan menghadiri beberapa pertemuan yang dianjurkan oleh gerakan sosialis turut mempengaruhi konseptualisasinya berhubung dengan konsep perjuangan. Buktinya ditemukan di bawah ini :

“Pada peringkat awal saya berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka, ada beberapa orang teman yang datang berjumpa dan mengajak saya menyertai gerakan sosialis.

Saya turut menghadiri beberapa pertemuan tetapi akhirnya mengambil keputusan untuk tidak menyertainya. Walau bagaimanapun banyak juga yang diketahui dan dipelajari daripada beberapa pertemuan dan perbincangan tersebut.”

(Novel-novel Anwar Ridhwan, 2006: 53)

Daripada bukti yang dikemukakan ternyata bahawa konseptualisasi Anwar Ridhwan berhubung dengan konsep perjuangan dipengaruhi oleh faktor-faktor ekstrinsik beliau khususnya pengalaman dan pemerhatian. Semua pengalaman ini diabadikan dalam karya kreatif agar para pembaca mengambil iktibar daripada kisah yang disampaikan. Kenyataan Hamzah Hamdani (1988: 263) bahawa “seseorang pengarang pada hakikatnya adalah anggota sosial dan kandungan karya adalah tentang kehidupan sosial sama ada secara terus terang atau sebaliknya” amat bertepatan dalam konteks ini.

Daripada contoh kata kunci yang dikemukakan terbukti bahawa konsep perjuangan bagi Anwar Ridhwan ialah pengorbanan. Perjuangan menuntut pengorbanan dalam bentuk darah dan nyawa. Konseptualisasi ini yang disalurkan secara tersirat melalui frasa simbolik. Dalam konteks ini, kenyataan Lee Irving (1972: 1) bahawa “*man can create and communicate across time through symbols*” amat bertepatan kerana simbol digunakan sebagai wahana untuk menyalurkan konseptualisasi secara tersirat.

Perjuangan Adalah Usaha Untuk Memerdekakan Negara

Perjuangan diteruskan untuk membebaskan atau memerdekakan negara daripada penjajahan kolonial. Pemikir pascakolonialisme seperti Frantz Fanon menganggap kolonialisme sebagai rampasan ekonomi, politik autokratik kejam yang memberi tekanan psikologi kepada rakyat (*Dewan Sastera*, Disember 2002: 12). Rakyat yang tertekan dengan penindasan kolonial ingin keluar daripada kepompong penjajahan. Justeru, mereka menyertai parti perjuangan dan berjuang untuk memerdekakan tanah air daripada penjajahan kolonial.

Dalam novel *Penyeberang Sempadan*, Kuay menyertai golongan kiri semata-mata untuk mengusir Inggeris dari Tanah Melayu yang bertindak zalim terhadap peribumi. Malah, mereka telah membunuh penduduk Kampung Tuntung dengan kejam. Antara yang

menjadi mangsa kezaliman Inggeris ialah ayah Kuay yang bernama Zakaria.

Dalam novel *Penyeberang Sempadan*, kata kunci yang dikenal pasti ialah “penjajah”, “kolonial”, “penjajahan”, “berjuang”, “merdeka”, “memerdekakan”, “memperjuangkan kemerdekaan”, “kemerdekaan Malaya” dan “gerakan kemerdekaan.” Manakala simbol yang digunakan ialah simbol “orang perjuangan”, “api perjuangan” dan “Teori Domino.” Bukti akan penggunaan kata kunci dan simbol tersebut tertera dalam contoh petikan di bawah ini:

“Sejak kematian ayah, aku semakin percaya bahawa aku mesti berbuat sesuatu. Bukan sahaja untuk membunuh raksasa putih dalam sukma yang memperbudak-budak diriku. Malah untuk membebaskan Perak dan Malaya daripada penjajahan.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 37-38)

“Mengapa biarkan orang asing menduduki tanah air kita? Merampas hak-hak kita? Jadi kewajipan kitalah untuk berjuang.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 39)

“Kenal,” jawab Bung Suradi. “Pernah tiga kali menemuinya. Sekali di Blora. Dua kali di Jakarta. Dia seperti kita. **Orang perjuangan.** Dialah yang meminta aku menyertai pelayaran ini.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 62)

“Jadi, pelayaran ini dipenuhi **orang-orang perjuangan** yang dibawa ke China?”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 62)

“Bung Suradi sehelai sepinggang tak mengapa,” aku mengusiknya. Kerana Indonesia sudah merdeka. Malaya belum merdeka. Aku bimbang akan terus sehelai sepinggang seumur hidupku.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 62)

“Merdeka dari Belanda dan Jepang. Itu benar,” kata Bung Suradi. Tapi ada ‘kemerdekaan’ lain yang ingin kita gapai. Kemerdekaan sejati untuk kaum proletar,

kaum buruh dan petani. Awas, **Soekarno** akan menghadapinya.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 63)

“Apa sebab ada orang Melayu masuk parti komunis? Pegawai Polis Inggeris itu menduga.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 84)

“Saya tak tahu, tuan,” jawab Pegawai Polis Melayu. Mungkin dia rasa, pertubuhan politik orang Melayu kurang agresif memperjuangkan kemerdekaan.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 84)

“Tapi parti komunis bukan perjuangkan kemerdekaan Malaya,” suara Pegawai Polis Inggeris itu agak tinggi. Mereka mahu halau kami.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 84)

“Betul saya tak tahu tuan,” sambung Pegawai Polis Melayu. “Mungkin dia berfikir, jika parti komunis dapat menghalau kuasa kolonial, maka merdekalah Malaya. Mungkin dia berpendapat, yang dianggap kolonial itu ialah orang Jepun dan Inggeris. Pengganas komunis bukan kolonial, tapi pejuang pembebasan. Mungkin begitu cara dia berfikir.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 85)

“Pasukan Kuay hanya bermatlamat untuk menghalau penjajah.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 172)

“Kesturi juga sedar kembarnya berjuang untuk membalas dendam kematian ayah mereka ketika dalam tahanan penjajah Inggeris. Kesturi juga faham perjuangan Kuay, dari riak kecil balas dendam telah menjadi gelombang besar melawan Inggeris demi kemerdekaan Malaya. Bagi Kesturi, apa gunanya menyerahkan Kuay kepada penjajah Inggeris, iaitu suatu kuasa yang ditentangnya? Apa gunanya menyerahkan Kuay kepada kuasa asing yang sedang menjajah Malaya? Kalau dia menyerahkan Kuay, bukankah itu bermakna seorang pejuang pembebasan telah

dilumpuhkan? Tindakan menyerahkan Kuay hanya menguntungkan penjajah Inggeris. Setiap penjajahan mesti dilawan. Kemerdekaan mesti dicari.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 198)

“Namanya Ismail, dari Rembau, Negeri Sembilan. Fail pertama itu dibuka. Pemuda ini tidak menyertai gerakan yang dipimpin Ishak Haji Muhammad. Dia juga belum menyertai parti komunis. Tapi suaranya lantang, selalu bercakap tentang gerakan kemerdekaan negara Islam dan menyebut nama Muhammad Abduh. Dia aktivis baru, tapi kita terus mengawasinya.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 89)

“Ya, aku ingin mendapatkan **karya Solzenitsyn**, yang dengan susah-payah, telah diterbitkan di Rusia. Permintaan terhadap karyanya begitu tinggi. Sukar membelinya di pasaran terbuka. Lalu ada yang mencetak-rompaknya, dan dijual di pasar gelap oleh unit samizdat.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 240)

“Seperti ahli silap mata amat, dia mengeluarkan **naskhah Solzhenitsyn** itu dari dalam bajunya dan menyentap rubel di tanganku dengan pantas. Aku segera menyelitkan **naskhah Solzhenitsyn** itu di pinggang, dan melindunginya dengan cara mengancing butang kot nipis yang kupakai pada hari itu.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 241)

“Teringatlah aku akan pidato komrad Wu di dalam jong dahulu, tidak lama sebelum aku mendarat di Shantou. **Teori Domino**’nya ‘turut dikongsi Haryono.’”

(Penyeberang Sempadan, 2012 :245)

“Aku pernah melanggan teori itu dahulu. Berasa amat yakin sebenarnya, pada ketika itu. Tetapi tahun demi tahun aku menunggu, tiada sekeping **domino** pun yang jatuh ke lantai untuk menghempap kepingan yang lain. Mungkin masanya belum tiba.”

(Penyeberang Sempadan, 2012: 245)

“Ustazah Shafi’aa jarang-jarang mengira berapa jumlah sumbangan ikhlas daripada anak-anak muridnya setiap kali habis tazkirah. Hanya Ustazah Shafi’aa perasan, kalau berceramah di rumah orang kaya, atau ahli politik, atau Exco yang turut dihadiri isteri orang kenamaan, pegawai-pegawai kerajaan, dan Datin-datin, sumbangan ikhlas yang diterima lebih banyak. Tapi Ustazah Shafi’aa ambil agak-agak separuh saja, untuk dikumpulkan, sebelum ditukarkan kepada saudaranya di Palestin sebagai dana perjuangan. Dia sedar akan tanggungjawabnya sebagai orang Palestin dan sebagai umat Islam. Walau dari jauh, dia harus terus berusaha agar **api perjuangan** di tanah kelahirannya tidak akan padam, hingga tercapai negara Palestin merdeka. Wang yang kira-kira separuh lagi Ustazah Shafi’aa serahkan kepada Kuay. Kuay pun perlukan dana.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012 : 427)


“Meor bukan baru kenal Kuay. Itu membekas dalam ingatannya. Kata-kata Kuay yang mencemuh penjajah telah lama membakar semangat mudanya. Kata-kata Kuay untuk membela orang Melayu dan memerdekakan Malaya telah lama menggelegakkan darah mudanya.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012 :182)

“Sebab itu Meor tidak ragu-ragu mendampingi Kuay. Lebih-lebih lagi selepas keluarganya menggalakkan penglibatannya dalam kegiatan memerdekakan Malaya.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012 :182)

Kata kunci yang digarisi dalam contoh petikan tertera dalam Rajah 3 di bawah ini:



Rajah 3: Kata kunci berdasarkan konsep perjuangan

Daripada kata kunci “penjajah”, “menjajah”, “merdeka”, “kemerdekaan”, “memerdekakan”, “gerakan kemerdekaan”, “memperjuangkan kemerdekaan” dan “kolonial” terbukti bahawa para pejuang berjuang untuk memerdekakan negara daripada penjajahan kolonial. Penjajahan kolonial bukan sahaja menyebabkan rakyat tertindas dari segi fizikal tetapi juga dari segi ekonomi dan psikologi.

Dalam *Penyeberang Sempadan*, Kuay watak utama, berjuang untuk membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan kolonial kerana Inggeris bukan sahaja menindas rakyat dari segi fizikal tetapi juga dari segi ekonomi. Mereka membolot segala kemewahan sementara rakyat menderita dari segi kemiskinan. Hak kaum proletar, buruh dan petani dirampas oleh penjajah. Justeru, Kuay berjuang untuk mengembalikan kemerdekaan kepada rakyat. Kuay mewakili jutaan pejuang yang berjuang untuk memerdekakan negara daripada penjajahan kolonial. Perhatikan buktinya di bawah ini :

“Pasukan Kuay hanya bermatlamat untuk menghalau penjajah.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012 :172)

Simbol “orang perjuangan” merujuk para pejuang yang berjuang untuk memerdekakan fizikal, emosi dan ekonomi rakyat daripada cengkaman penjajah. Justeru, mereka tidak tinggal tetap di satu kawasan. Buktinya tertera di bawah ini:

“**Orang perjuangan** tidak pernah menetap. **Orang perjuangan** sentiasa bergerak. Aku teringat kata-kata Bung Suradi dahulu.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012: 369)

“Api perjuangan” melambangkan semangat perjuangan yang membara dalam diri para pejuang. Dalam *Penyeberang Sempadan*, Kuay memiliki semangat perjuangan yang tinggi untuk memerdekakan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajah manakala Shafi’aa dari Palestin juga memiliki semangat juang yang tinggi untuk memperjuangkan kemerdekaan kepada rakyat Palestin. Apabila Jepun tewas kepada Inggeris, semangat pejuang seperti Kuay berkobar-kobar untuk memerdekakan negara daripada penjajahan Imperialis. Buktinya tertera di bawah ini:

“Pasukan Kuay hanya bermatlamat untuk menghalau penjajah.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012 :172)

“Dia sedar akan tanggungjawabnya sebagai orang Palestin dan sebagai umat Islam. Walau dari jauh, dia harus terus berusaha agar **api perjuangan** di tanah kelahirannya tidak akan padam, hingga tercapai negara Palestin merdeka.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012: 427)

“Minggu-minggu awal kekalahan Jepun juga memarakan semula **api perjuangan** kemerdekaan ketika Inggeris tidak kelihatan, dan Jepun mula berundur ke tanah matahari terbitnya. Mungkin, fikir Pegawai Polis Melayu itu, suasana itu mendorong seseorang untuk melancarkan gerakan kemerdekaan secara agresif dari bawah tanah.”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012 :81)

Simbol “naskhah Aleksandr Solzhenitsyn” merujuk novel yang dikarang oleh novelis dan sejarawan Russia yang berani mengkritik tentang kezaliman Soviet Union. Penerima Hadiah Nobel ini berjaya menyedarkan dunia barat tentang ‘gulag’ yang diasaskan oleh Soviet Union melalui bukunya *The Gulag Archipelago* yang diterbitkan pada tahun 1973. *The Gulag Archipelago* ditulis berdasarkan pengalaman Aleksandr Solzhenitsyn dalam *gulag labor camp* ketika berada di dalam penjara.

“Gulag” merupakan akronim kepada ‘*the government agency that administered the main soviet forced labor camp during the Stalin era.*’ “Gulag” merupakan suatu sistem “*where people were worked to death.*” Justeru melalui simbol “naskhah Solzhenitsyn” dan simbol “karya Solzhenitsyn”, Anwar Ridhwan menyampaikan konseptualisasi secara tersirat bahawa para pejuang wajar meneladani sikap dan semangat yang dimiliki oleh “Solzhenitsyn” yang berani menentang dan mengkritik Soviet Union dan ideologi Marxisme.

“Naskhah Solzhenitsyn” dan “Karya Solzhenitsyn” yang diulang beberapa kali dalam novel ini merupakan suatu simbol kerana para pejuang digalakkan untuk membaca dan menghayati perwatakan para pejuang dalam karya tersebut. Penjualan “buku Solzhenitsyn”

secara tersembunyi boleh ditafsirkan sebagai saranan daripada Anwar Ridhwan agar para pejuang membaca buku tersebut secara senyap dan meneruskan perjuangan mereka secara sulit.

“Teori Domino” juga merupakan sebuah simbol. Teori domino berspekulasi bahawa apabila sebuah negara di suatu kawasan terpengaruh dengan ideologi komunisme, maka negara-negara di sekitarnya akan menjadi negara komunis. Begitu juga apabila sebuah negara komunis terjatuh, maka ideologi komunisme dapat dilumpuhkan dengan mudah. Apabila domino pertama berjaya dijatuhkan, maka domino yang lain akan lumpuh secara semulajadi. Perhatikan buktinya di bawah ini:

“The primary evidence for the domino theory is the speed of communist rule in three Southeast Asian countries in 1975, following the communist take over of Vietnam. A major piece of evidence against the domino theory consists of the failure of communism to take hold in Thailand, Indonesia and other large Southeast Asian countries after the 1975, end of the Vietnam war.”

(en. wikipedia.org/wiki/Domino – effect)

Doktrin ini diperkenalkan oleh Herbert W. Heinrich pada tahun 1930-an dan diteruskan oleh Presiden Amerika Dwight Eisenhower pada tahun 1954. Di bawah doktrin ‘domino’, jika sebuah negara jatuh ke tangan komunis, maka negara-negara lain dapat ditawan dengan mudah oleh komunis seperti buah ‘domino’ yang akan gugur keseluruhannya jika sebuah ‘domino’ gugur ke bumi.

Melalui simbol “domino”, Anwar Ridhwan menyampaikan amanat kepada para pejuang bahawa apabila mereka berjaya menjatuhkan sebuah negara komunis, maka fahaman komunisme dapat dilumpuhkan dengan mudah. Analogi yang digunakan ialah buah domino dan kepingan domino.

Daripada kata kunci “penjajah”, “menjajah”, “merdeka”, “kemerdekaan”, “memerdekakan”, “gerakan kemerdekaan”, “memperjuangkan kemerdekaan”, “kolonial” dan simbol “naskhah Aleksandr Solzhenitsyn”, “karya Aleksandr Solzhenitsyn” dan “Teori Domino”, konseptualisasi Anwar Ridhwan berhubung dengan konsep perjuangan telah dikenal pasti sebab “naskhah Aleksandr Solzhenitsyn” akan meninggikan semangat nasionalisme para pejuang untuk

memperjuangkan kemerdekaan bagi negara mereka manakala “teori domino” akan memudahkan mereka untuk melumpuhkan ideologi komunisme jika mereka berjaya menjatuhkan sebuah negara komunis. Justeru, para pejuang digalakkan untuk membaca karya Aleksandr Solzhenitsyn” dan bertindak sebagai “teori domino” yang memiliki “*chain reaction*.” Amanat ini disampaikan secara tersirat oleh Anwar Ridhwan melalui penggunaan simbol.

Dalam konteks ini, Suzane Langer pernah mengatakan bahawa “*those who create new symbols, whether as scientists, poets, novelists, dramatsits, artists or sculptors are those who give us new instruments to think with and give us new areas to explore in our thinking*” (S. I Hayakawa, 1953: 132).

Daripada kenyataan Suzanne Langer, terbukti bahawa Anwar Ridhwan sengaja memilih diksi dalam bentuk simbol dan kata kunci agar pembaca berfikir akan mesej tersurat dan tersirat yang disampaikan dalam bentuk kata kunci dan simbol. Melalui wahana simbol dan kata kunci, Anwar Ridhwan telah mengetengahkan konseptualisasinya berhubung dengan konsep perjuangan kerana pada kelazimannya “*man communicate through symbols*” (Lee Irving, 1972: 1).

Konseptualisasi Anwar Ridhwan berhubung dengan konsep perjuangan dipengaruhi oleh unsur-unsur ekstrinsik beliau. Bacaan dan tontonan tentang perjuangan di serata tempat melalui media cetak dan media elektronik mempunyai implikasi akan pembentukan konseptualisasi seseorang. Pengaruh media elektronik khususnya televisyen dalam membentuk konseptualisasi seseorang tidak dapat dinafikan. Malah Anwar Ridhwan sendiri pernah menyatakan bahawa beliau gemar menonton program televisyen ketika berada di luar negara. Buktinya tertera di bawah ini.

“Ketika di Jepun saya banyak membaca akhbar dan menonton televisyen. Saya mengamati ketidakadilan sosial, penyalahgunaan kuasa, korupsi dan pembolotan kekayaan di beberapa negara berleluasa.”

(*Dewan Sastera*, 2002: 7)

Lee Irving pernah mengatakan bahawa “*we see with our experience as well as with our eyes*” (1972: 5). Justeru, daripada pengakuan pengarang dan kenyataan Lee Irving terbukti bahawa pengalaman mencorakkan konseptualisasi seseorang pengarang

berhubung dengan sesuatu konsep dan dalam konteks ini, konsep perjuangan Anwar Ridhwan dipengaruhi oleh unsur-unsur ekstrinsik beliau dan konseptualisasi ini diabadikan dalam karya kreatif untuk renungan pembaca.

Kesimpulan

Kesimpulannya, novel *Penyeberang Sempadan* oleh Anwar Ridhwan bukan sahaja menyeberang sempadan geografi, ideologi dan zaman, malah telah menyeberang struktur dan gaya pengkisahan naratif. Melalui struktur penceritaan dua lapis yang menggabungkan sudut pandangan orang pertama dan sudut pandangan orang ketiga, Anwar Ridhwan telah menyampaikan konseptualisasinya berhubung dengan konsep perjuangan.

Konsep perjuangan pada tanggapan Anwar Ridhwan ialah penderitaan, pengorbanan dan usaha untuk memerdekakan negara daripada penjajahan kolonial. Konseptualisasi ini tercermin melalui kata kunci dan simbol yang digunakan oleh pengarang. Simbol menyalurkan amanat pengarang secara tersirat dan simbolik manakala kata kunci menzahirkan mesej secara tersurat dan literal. Dengan perkataan lain, simbol dan kata kunci dipilih sabagai wahana atau saluran untuk mengetengahkan amanat secara tersirat dan tersurat.

Dalam usaha untuk merealisasikan matlamat perjuangan, para pejuang terpaksa mengharungi penderitaan. Mereka sanggup menggadaikan nyawa mereka demi keharmonian dan kesejahteraan hidup generasi akan datang. Ideologi ciptaan manusia seperti komunisme, sosialisme, liberalisme dan demokrasi tidak membawa sebarang perubahan kepada kehidupan rakyat. Rakyat masih menderita dari segi fizikal, emosi dan batini. Kemiskinan masih berleluasa di negara-negara yang mengamalkan sosialisme, komunisme, liberalisme dan demokrasi. Justeru, para pejuang berjuang untuk membasmikan segala bentuk “isme” yang tidak membawa sebarang perubahan kepada kehidupan rakyat. Konseptualisasi ini disalurkan melalui wahana kata kunci dan simbol untuk diambil iktibar oleh pembaca sebab karya kreatif menyelitkan unsur atau elemen didaktik secara tersirat.

Konseptualisasi Anwar Ridhwan berhubung dengan konsep perjuangan dipengaruhi oleh unsur-unsur ekstrinsik beliau. Pembacaan, pemerhatian, pergaulan, kunjungan ke serata negara dan ideologi Anwar

Ridhwan mempengaruhi konseptualisasi beliau. Anwar Ridhwan pernah berkunjung ke negara China, Russia, Timur Tengah dan Amerika Syarikat. Pemerhatian beliau akan nasib rakyat di negara-negara tersebut meninggalkan kesan yang mendalam terhadap konseptualisasi beliau. Justeru, beliau beranggapan bahawa hanya melalui perjuangan oleh para pejuang, penderitaan dan kemiskinan yang melingkari kehidupan rakyat dapat dikurangkan. Konseptualisasi ini yang berjaya dikesan melalui penerapan Teori Konseptual Kata Kunci dan konsep simbol dalam novel *Penyeberang Sempadan*.

Bibliografi

- Akhmatova, Anna. (1999). *Who's Who in the Twentieth Century*. London: Oxford University Press.
- Anwar Ridhwan. (2012). *Penyeberang Sempadan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. (2009). "Lorong Kenangan yang Membawa ke Anugerah Sastera Negara", dlm. *Dewan Sastera* (Oktober, pp. 21-25).
- Anwar Ridhwan. (1999). *Jati Diri Pasca Asas 50*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2006). *Novel-novel Anwar Ridhwan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Awang Azman Awang Pawi. (2002). "Naratif Ogonshoto: Perspektif Wacana Kuasa dan Hegemoni", dlm. *Dewan Sastera* (Disember pp. 12).
- Gladkov, Fyodor Vasilievich. (1994). *Cement*. Evanston: Northwestern University Press.
- Hajjah Jais. (2003). *Novel-novel Anwar Ridhwan: Penerapan Terhadap Teori Teksdealisme*. Tesis Ijazah Sarjana, Jabatan Sastera, Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hamzah Hamdani (peny). (1988). *Konsep dan Pendekatan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hayakawa, S.I. (1958). *Symbol, Status and Personality*. New York. Harcourt, Brace & World Inc.

Innis, Robert E. (1985). *Semiotics: An Introductory Anthology*. Bloomington: Indiana University Press.

Ishak Haji Muhammad. (1976). "Ilham Mencipta Putera Gunung Tahan", dlm. *Dewan Sastera* (April, pp. 23)

Langer, Suzane K. (1971). *Philosophy in a New Key: A Study in the Symbolism of Reason, Rite, and Art*. Cambridge: Harvard University Press.

Lee, Irving J. (1941). *Language Habits in Human Affairs. A Summary of General Semantics*. New York: Harper.

Maddox, Harry. (1988). *How to Study*. London: Pan Books Ltd.

Laman web:

Wikipedia Online (2015). Domino Effect
http://en.wikipedia.org/wiki/Domino_effect. Dilayari pada 17 Mei 2015 pukul 11.45pm.

Wikipedia Online, (2015). Aleksandr_Solzhenitysn
http://en.wikipedia.org/wiki/Aleksandr_Solzhenitysn. Dilayari pada 17 Mei 2015 pukul 11.45pm.

Wikipedia Online, (2014). Gamal_Abdel_Nasser
http://en.wikipedia.org/wiki/Gamal_Abdel_Nasser. Dilayari pada 12 Jun 2014 pukul 10.00am.